

# Perubahan iklim jejas navigasi paus

► Kota Kinabalu

BH 10-08-2012 14

**P**engarah Institut Penyelidikan Marin Borneo Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Saleem Mustafa percaya ada kemungkinan paus yang ditemui mati terdampar di kawasan cetek mempunyai kaitan dengan perubahan iklim.

Sambil menegaskan tentang perlunya data lebih empirikal untuk membuat kesimpulan tentang perkara itu, beliau berkata terdapat juga alasan kukuh bahawa pengasidan laut, secara langsung dan tidak langsung, memberi kesan terhadap kehidupan mamalia itu.

"Perubahan oseanografi juga memberi kesan besar

terhadap mereka. Secara menyeluruh, perubahan iklim menjadikan paus tekanan, mengancam daya tahan mereka, mendorong mereka membawa diri ke kawasan laut yang asing bagi mereka dan menjejaskan kemampuan navigasi mereka.

## Banyak paus mati

"Oleh itu, memang menyedihkan kerana kita berkeungkinan akan menyaksikan lebih banyak kejadian paus terdampar di kawasan cetek di seluruh dunia," katanya.


Saleem berkata demikian bagi mengulas kejadian seekor paus yang terdampar di kawasan cetek di Pantai Hujung Sungai dekat Kuala

Penyu pada 2 Ogos dan mati pada malam Khamis lepas.

Pelbagai usaha dilakukan untuk menolong mamalia itu beralih ke kawasan lebih dalam, tetapi penyelamat mendapati paus itu tidak memberi tindak balas yang menunjukkan ia bersedia berenang ke kawasan lebih dalam.

"Perlakuan ini membayangkan ia tidak mampu mengendalikan tubuhnya yang berukuran 16 meter panjang dan seberat 10 tan itu. Sebenarnya, topografi kawasan berkenaan memudahkan mamalia ini untuk bergerak ke kawasan lebih dalam.

"Apabila terdampar di kawasan cetek, paus yang sihat dan kuat akan mem-



Penyelidik UMS Dr John Madin (tengah) memeriksa bangkai paus yang mati di Kuala Penyu, baru-baru ini.

beri tindak balas aktif untuk pergi ke kawasan lebih dalam dengan segera memanfaatkan usaha yang dilakukan penyelamat untuk menyelamatkannya," katanya.

Dr Saleem berkata pada hari berkenaan tidak berlaku keadaan oseanografi luar biasa yang boleh menyebabkan berlakunya tolakan ke arah pantai.

## Paus hilang orientasi

"Juga, tidak ada laporan tentang arus merah bera-

cun di kawasan itu pada hari berkenaan. Mungkin, punca semula jadi, termasuk kelemahan, kesakitan dan kehilangan orientasi yang berpunca daripada masalah psikologi yang menyebabkan paus itu terdampar di Kuala Penyu dan menghembuskan nafas terakhirnya di situ.

"Jarang sekali paus sebesar itu boleh hidup lebih lama daripada itu. Lapisan tebal lemak yang menyilaputi paus itu juga meny-

babkan berlaku pemanasan berlebihan dalam keadaan di kawasan tropika ini dan semua ini menyebabkannya lebih cepat menemui ajal," katanya.

Beliau berkata paus itu sentiasa disiram dengan air untuk menyejukkan dan membasahkan tubuhnya, tetapi apabila ajal semakin dekat, fungsi tubuhnya mula terhenti dan segala usaha yang dilakukan tidak banyak membantunya untuk terus hidup.